**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 24 MEI 2016 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | MetMalaysia pantau pergerakan asap debu letusan gunung berapi Sinabung | BERNAMA |
| 2. | Debu letusan gunung berapi Sinabung tidak jejas Malaysia setakat ini | BERNAMA |
| 3. | Kualiti udara dipantau ekoran debu letusan gunung berapi Sinabung di Sumatera – Wan Junaidi | BERNAMA |
| 4. | Malaysia pantau kualiti udara ekoran letusan Gunung Sinabung | Kosmo |
| 5. | Close watch on eruption's effects | New Straits Times |
| 6. | Paras air Empangan Timah Tasoh meningkat, operasi pembenihan awan diteruskan hingga Rabu | BERNAMA |
| 7. | Najib rasmi Minggu Lautan Sedunia di UMT | BERNAMA |
| 8. | Perdana Menteri lancar program WOW 2016 UMT | Utusan Malaysia |
| 9. | Eksport produk bio dijangka terus meningkat | Berita Harian |
| 10. | New centre to support bio-based firms | New Straits Times |
| 11. | Export of bio-based products to pick up | The Sun |
| 12. | Turn STEM into STEAM instead, says arts activist | New Straits Times |

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 24 MEI 2016 (SELASA)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# MetMalaysia Pantau Pergerakan Asap Debu Letusan Gunung Berapi Sinabung

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** akan terus melakukan pemantauan secara berterusan terhadap pergerakan asap dan debu letusan gunung berapi Sinabung di Sumatera, Indonesia.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** berkata setakat ini tiada asap dan debu daripada gunung itu sampai ke Malaysia dan sehingga 12 tengah hari tadi, tiada letusan susulan berlaku.

"Tiada asap (dan) debu dari gunung berapi Sinabung sampai ke negara ini kerana kelajuan angin di permukaan sehingga paras 5,000 kaki adalah lemah," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, MetMalaysia akan memantau secara berterusan pergerakan asap dan debu letusan gunung berapi itu di kawasan ruang udara (FIR) Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu.

"Sekiranya berlaku letusan susulan dan asap (dan) debu itu memberi kesan kepada penerbangan dalam FIR tersebut, nasihat asap (dan) debu untuk penerbangan akan dikeluarkan," katanya.

Enam penduduk tempatan dilaporkan maut manakala tiga lagi kritikal akibat terkena debu panas gunung berapi di daerah Karo, Sumatera Utara itu yang meletus Sabtu lepas.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 24 MEI 2016 (SELASA)

# Debu Letusan Gunung Berapi Sinabung Tidak Jejas Malaysia Setakat Ini



Letusan gunung berapi Sinabung Sumatera (Gambar Agensi Berita Antara)

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Asap dan debu letusan gunung berapi Sinabung di Sumatera, Indonesia dijangka tidak memberi kesan kepada Malaysia berikutan keadaan angin di negara ini bertiup dari arah barat laut.

Bagaimanapun **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** berkata keadaan angin dijangka berubah bertiup dari arah barat daya mulai esok.

"Sekiranya gunung berapi Sinabung berterusan meletus, asap debu boleh sampai di Semenanjung selepas 25 Mei atau 26 Mei," katanya di dalam satu kenyataan hari Ahad.

Enam orang disahkan maut setakat ini manakala tiga lagi kritikal akibat terkena debu panas gunung berapi Sinabung di daerah Karo, Sumatera Utara yang meletus sejak semalam.

Bernama melaporkan, Ketua Pusat Data Informasi dan Hubungan Manusia Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) Sutopo Purwo Nugroho berkata, kesemua mangsa adalah penduduk tempatan.

Gunung berapi setinggi 2,460 meter itu adalah antara yang paling aktif di Indonesia dan pada 2014 beberapa penduduk terbunuh dan beribu-ribu yang lain dipindahkan akibat letusan gunung berapi itu.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 24 MEI 2016 (SELASA)

# Kualiti Udara Dipantau Ekoran Debu Letusan Gunung Berapi Sinabung Di Sumatera - Wan Junaidi

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedang memantau tahap kualiti udara negara ekoran letusan gunung berapi Sinabung di Sumatera, Indonesia, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata ini berikutan asap dan debu daripada letusan itu berkemungkinan mengakibatkan pencemaran udara, seperti yang pernah berlaku ketika letusan gunung berapi Pinatubo di Filipina pada 1991.

"Stesen pemantau zarah terampai 10 mikron (PM10) kita masih berjalan seperti biasa.

"Jadi kita sedang melihat perkembangannya, kalau ia menunjukkan ada peningkatan zarah terampai, maknanya ada pencemaran berlaku dan saya akan buat keputusan untuk beri maklumat kepada umum menerusi laman sesawang kementerian," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, di sini Isnin.

Semalam, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** berkata asap dan debu letusan gunung berapi Sinabung dijangka tidak memberi kesan kepada Malaysia berikutan keadaan angin di negara ini bertiup dari arah barat laut.

Bagaimanapun, Madius berkata keadaan angin dijangka berubah bertiup dari arah barat daya mulai hari ini.

Enam orang disahkan maut setakat ini manakala tiga lagi kritikal akibat terkena debu panas gunung berapi Sinabung di daerah Karo, Sumatera Utara yang meletus sejak Sabtu (21 Mei).

-- BERNAMA